



PANDUAN PENGGUNA / PEMOHON

SISTEM PENGURUSAN IMPORT / EKSPORT KELUARAN PERTANIAN TERPILIH (SISTEM AGROTRADE)

“PENGENALAN DAN PANDUAN AM”



Tarikh Kemaskini: 5 April 2023

Isi Kandungan

1. Pengenalan	3
1.1 Keperluan Utama	3
1.2 Cara Capaian	4
2. Panduan Am.....	5
2.1 Jenis-jenis Keluaran Pertanian yang boleh dimohon secara <i>online</i>	5
2.2 Jenis-jenis Permohonan.....	7
2.3 Jenis Permohonan Yang Dibenarkan Mengikut Jenis Komoditi	8
2.4 Pendaftaran Pemohon Baharu dan Sedia Ada.....	9

1. Pengenalan

Sistem Permohonan Kelulusan Import / Eksport Keluaran Pertanian Terpilih (Sistem AgroTrade) adalah satu sistem yang memberi kemudahan kepada pemohon untuk memohon kelulusan import / eksport keluaran pertanian terpilih secara *online*.

Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan penggunaan borang manual sedia ada dan mengkonsolidasikan proses permohonan kepada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) yang dahulunya dilakukan secara berasingan.

Sistem ini juga dibangunkan secara lebih teratur dan efisien bagi menangani isu-isu semasa dalam proses permohonan dan pentadbiran.

- a. Memudahkan Syarikat untuk mengemukakan permohonan secara atas talian dan seterusnya dapat menyemak status permohonan dari semasa ke semasa;
- b. Memastikan kebolehesanan maklumat (*traceability*) secara keseluruhan dan meningkatkan aspek keselamatan data.
- c. Mengurangkan risiko penyelewengan, penipuan maklumat, pemalsuan dokumen, memanipulasi penyalahgunaan kuasa dan ketidaktelusan.

Pengguna kini boleh membuat permohonan tersebut dengan menggunakan pelayar (browser) web moden seperti Internet Explorer, Mozilla Firefox, Safari atau lain-lain pelayar web.

1.1 Keperluan Utama

- ✓ Talian Internet
- ✓ Pelayar Web

1.2 Cara Capaian

1. Melalui Laman Utama MAFS

- Layari laman web MAFS (<http://www.mafs.gov.my>)
- Pilih dan klik pada Perkhidmatan Atas Talian di bahagian Menu
- Pilih dan klik pada Sistem AgroTrade

2. Melalui pautan terus ke Sistem AgroTrade

- Pengguna boleh menaip terus alamat <https://agrotrade.mafs.gov.my> untuk terus ke Sistem AgroTrade.

2. Panduan Am

2.1 Jenis-jenis Keluaran Pertanian yang boleh dimohon secara *online*

Buat masa ini, Sistem AgroTrade hanya membenarkan permohonan bagi jenis-jenis komoditi (keluaran pertanian) terpilih iaitu:

Jabatan / Bahagian	Kategori	Jenis Komoditi
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar	Produk Haiwan	Ayam Bulat
		Keratan Ayam
		Daging & Ofal
		Daging Babi
	Susu Cair	Susu Pasteurise / UHT
		Susu Berperisa
	Ternakan Hidup	Lembu / Kerbau / Kambing / Bebiri
Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT)	Kelapa	Kelapa Tua Biji
	Kobis	Kobis Bulat
Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT)	Analisis Risiko Perosak (PRA) bagi tujuan Komersil	Artikel Terkawal
		Bahan Tanaman
		Produk Tumbuhan
	Analisis Risiko Perosak (PRA) bagi tujuan Penyelidikan	Artikel Terkawal
		Bahan Tanaman
		Produk Tumbuhan

Jabatan / Bahagian	Kategori	Jenis Komoditi
	Mikroorganisma & Bahan Organan (MOBO) bagi tujuan Komersil	Bahan Organan- Baja Organik
		Bahan Organan bersama Microb
	Mikroorganisma & Bahan Organan (MOBO) bagi tujuan Penyelidikan	Mikroorganisma

2.2 Jenis-jenis Permohonan

Jenis Permohonan	Keterangan
Baharu	Permohonan pertama kali bagi jenis komoditi (keluaran pertanian) yang dipilih.
Pembaharuan	<p>Permohonan pembaharuan adalah untuk memohon kelulusan bagi tahun berikutnya.</p> <p>i <u>Syarat Pembaharuan:</u></p> <ul style="list-style-type: none">▪ Permohonan tahun semasa telah diluluskan sebelum pemohon boleh membuat permohonan pembaharuan.
Penambahan	<p>Permohonan Penambahan adalah untuk memohon penambahan kepada amaun yang telah diluluskan pada tahun semasa.</p> <p>i <u>Syarat Penambahan:</u></p> <ul style="list-style-type: none">▪ Permohonan tahun semasa telah diluluskan sebelum pemohon boleh membuat permohonan penambahan.▪ Hanya dua (2) kali permohonan penambahan dibenarkan dalam satu tahun.

2.3 Jenis Permohonan Yang Dibenarkan Mengikut Jenis Komoditi

Jenis Komoditi	Jenis Permohonan Yang Dibenarkan		
	Baharu	Pembaharuan	Penambahan
Produk Haiwan			
Ayam Bulat	✓	✓	✗
Keratan Ayam	✓	✓	✗
Daging & Ofal	✓	✓	✗
Daging Babi	✓	✓	✗
Ternakan Hidup			
Lembu / Kerbau / Kambing / Bebiri	✓	✓	✗
Kelapa			
Kelapa Tua Biji	✓	✓	✓
Kubis			
Kubis Bulat	✓	✓	✓
PRA Komersil & Penyelidikan			
Artikel Terkawal	✓	✗	✗
Bahan Tanaman	✓	✗	✗
Produk Tumbuhan	✓	✗	✗
MOBO Komersil			
Bahan Organan (Baja Organik)	✓	✓	✗
Bahan Organan bersama Mikrob	✓	✓	✗
MOBO Penyelidikan			
Mikroorganisma	✓	✓	✗

2.4 Pendaftaran Pemohon Baharu dan Sedia Ada

Pemohon baharu dan pemohon sedia ada perlu mendaftar pada Sistem AgroTrade untuk kali pertama sebelum dibenarkan untuk membuat permohonan baharu, tambahan atau penambahan.